

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

**YANG BERBAHAGIA
DATUK PROFESOR DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Sempena

LENDU BERSELAWAT 2023

19 JUN 2023 | ISNIN | 5.30 PETANG

**DEWAN TAMING SARI
KAMPUS ALOR GAJAH
UiTM CAWANGAN MELAKA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL
ANBIYAAI WAL MURSALIIN
WA 'ALAAALIHI WASOHBIHI AJMA'IN.**

SALUTASI – KEMAS KINI BERDASARKAN KEHADIRAN

**Yang Amat Berbahagia Tuan Yang Terutama Tun Seri
Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam**

Yang di-Pertua Negeri Melaka

**Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ab. Rauf bin Yusoh
Ketua Menteri Melaka**

Yang Berhormat Ahli-Ahli Exco Kerajaan Negeri Melaka

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri
Melaka**

**Yang Berbahagia Sahibus Samahah Datuk Wira Abd
Halim Tawil**

Mufti Negeri Melaka

Yang Berbahagia Datuk-Datuk dan Datin-Datin

Barisan Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan

**Penceramah-penceramah Undangan Lendu Berselawat
2023**

Barisan Pengurusan Eksekutif UiTM Cawangan Melaka

**Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri dan Warga UiTM
Cawangan Melaka**

Yang Berusaha Saudara Muhammad Yusuf bin Ya'akob

Pengarah Program Lendu Berselawat 2023

Jawatankuasa Penganjur Lendu Berselawat 2023

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar & Sekretariat

Rakan-Rakan Media, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh;

Salam UiTM Di Hatiku;

**Salam Melakaku Maju Jaya Rakyat Bahagia Menggamit
Dunia;**

dan Salam Malaysia MADANI.

1. Saya mulakan ucapan saya dengan dua rangkap pantun,

***Lendu Berselawat Malam Bertemu,
Berkumpul Bersama Letih dan Lelah;
Wahai Nabi Salam Atas Mu,
Rasul Teragung Kekasih Allah.***

***Warna-Warni Bunga Desa,
Bunga Kertas Buat Jambangan;
Segala Puji Allah Yang Esa,
Selawat Ke Atas Rasul Junjungan.***

2. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia serta izin-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam program **Lendu Berselawat 2023** pada malam ini.

3. Mewakili seluruh warga UiTM Cawangan Melaka, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada **Yang Amat Berbahagia Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam**, atas kesudian bersama-sama hadir ke program anjuran Jawatankuasa Perwakilan Pelajar “Non-Residen” UiTM Cawangan Melaka ini.

4. Kehadiran ini amat bermakna buat kami selaku warga UiTM khususnya dan seluruh komuniti Daerah Alor Gajah khususnya di kawasan Lendu umumnya.

5. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan kepada semua hadirin atas kesudian bersama-sama kami memeriahkan majlis pada malam ini.

6. Kehadiran Tuan Yang Terutama Tun, Kepimpinan Kerajaan Negeri Melaka dan kita semua di sini adalah

bertujuan untuk menzahirkan **rasa cinta dan sayang seluruh umatnya terhadap junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Untuk makluman, pelaksanaan program Lendu Berselawat ini dijangka menghimpunkan **lebih 5,000 penyertaan terdiri daripada mahasiswa dan komuniti setempat** yang berada di dalam UiTM dan sekitarnya, serta dari seluruh sistem UiTM secara dalam talian; dari Johor ke Perlis juga Sabah dan Sarawak.

8. Melalui program yang juga boleh ditonton secara langsung di Youtube dan Facebook Rasmi UiTM Cawangan Melakaini, kita dapat mendekati diri dengan Allah di samping mengingati junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Berbekalkan selawat daripada program ini juga, amalan ini dapat diteruskan dan diajarkan kepada orang lain agar sama-sama memperoleh ketenangan jiwa dalam kehidupan.

9. Perhimpunan Lendu Berselawat ini amat istimewa kerana kita dapat bersama dengan ulama'-ulama' tersohor dan disegani di negara kita, antaranya;

Yang Berbahagia Al-Fadhil Syeikh Abd Razak Al Masri,

Yang Berbahagia Haji Jafri Bin Abu Bakar Mahmud, dan

Yang Berbahagia Habib Nael Tahir

10. Mereka akan berkongsi dan pastinya akan memberikan pelbagai ilmu bermanfaat kepada kita semua.

11. Diharapkan dengan perkongsian oleh para panel jemputan, sedikit sebanyak dapat memberi kita ibrah dan refleksi diri untuk menjadi lebih baik pada masa akan datang...In Shaa Allah.

12. Pada kesempatan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun serta

Kepimpinanan Kerajaan Negeri Melaka atas sokongan bagi menjayakan program ini.

13. Tahniah dan Syabas diucapkan kepada **pihak Jawatankuasa Perwakilan Non Resident, UiTM Kampus Alor Gajah** dengan kerjasama **Pertubuhan Kebajikan Al-Muhibbin Melaka, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Akademik, Unit Hal Ehwal Islam, Majlis Perwakilan Pelajar dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej** atas inisiatif penganjuran program ini.

Tuan Yang Terutama Tun serta hadirin sekalian.

14. Akhir kata, amatlah besar harapan saya untuk tetamu jemputan khususnya mahasiswa dari IPT lain serta pelajar UiTM beroleh **manfaat dari kandungan pengisian pada malam yang penuh keberkatan ini.**

15. Saya pasti, program-program sebegini akan diteruskan lagi pada masa hadapan bagi melahirkan mahasiswa yang

seimbang dari aspek akademik, jasmani dan rohani serta mampu memupuk nilai-nilai insaniah yang madani.

16. Semoga program ilmu dan taman syurga ini menjadi permulaan untuk kita semua menyebarkan dakwah Islam serta mendapat keredhaan Allah SWT.

Sekian

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.